

Pelajar Mesti Bijak Menguruskan Kewangan



Oleh: Nik Huwaina

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 16 Jun 2021

Masalah kewangan adalah salah satu isu utama yang dihadapi para pelajar dalam menjalani kehidupan khususnya di institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Masalah ini sukar diselesaikan sekiranya pelajar berbelanja tanpa kawalan dan menurut sahaja segala kehendak serta hawa nafsu.

Gaya hidup yang mewah dan boros seperti membeli peranti yang canggih dan terkini, pakaian berjenama, makanan dan minuman setaraf golongan atasan bukanlah sesuatu yang patut dibanggakan.

Segelintir pelajar berpandangan, apabila berada jauh dari keluarga, mereka bebas melakukan dan menentukan apa sahaja tanpa kawalan termasuk dari segi perbelanjaan harian.

Tambahan pula duit belanja yang diperoleh ditanggung sepenuhnya oleh penjaga atau mereka mendapat elaun dan pinjaman setiap bulan.

Corak pemikiran yang kurang bijak dengan terlalu mengikut trend boleh menyebabkan golongan muda mudah tersepit dengan masalah kewangan yang membebankan.



Gambar hiasan

Bagi mengelakkan isu tersebut menjadi lebih parah, ilmu pengurusan kewangan merupakan satu aspek yang perlu dititikberatkan.

Kajian oleh Multiplier mendapati hampir 70 peratus rakyat Malaysia tidak celik pengurusan kewangan. Mereka memerlukan sokongan dan bimbingan untuk menguruskan kewangan masing-masing.

Pelajar IPTA juga perlu menabung wang untuk persediaan pada masa hadapan. Kajian oleh Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC) menunjukkan hanya seorang daripada 10 rakyat Malaysia yang hilang pekerjaan mampu bertahan lebih daripada enam bulan.

Bagi golongan pelajar, mereka boleh mewujudkan tabungan sendiri melalui lebihan duit belanja atau bekerja sambil secara dalam talian di rumah.

Contohnya, melakukan ulasan berbayar, *dropship*, menyediakan kandungan aplikasi telefon pintar, khidmat terjemahan dan pelbagai inisiatif lain.

Bagi pelajar yang menggemari hiburan bagi memenuhi masa lapang, mereka boleh berbuat demikian dengan bajet yang rendah.

Sebagai contoh, mereka boleh menonton filem secara percuma atau berbayar melalui aplikasi seperti Netflix.

Cara ini lebih menjimatkan dan lebih praktikal sepanjang berada di rumah ekoran penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang penularan COVID-19.

Sehubungan itu, para pelajar IPTA lebih-lebih lagi yang bakal menamatkan pengajian perlu mempunyai ilmu pengurusan kewangan yang pasti berguna sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan.

Terdapat banyak cara yang boleh difikirkan dan diamalkan oleh para pelajar untuk menguruskan kewangan dengan baik.

Mereka seharusnya merancang dan menilai sama ada pembelian yang bakal dilakukan itu di bawah kategori kehendak atau keperluan.

Islam juga menegah umatnya daripada bersikap boros dan membazir ketika berbelanja. Apa yang lebih penting, sebahagian daripada wang yang ada di tangan perlu disimpan untuk bekalan ketika kecemasan.